

19 NOV 2002

Abdullah-Jawatan/I

ABDULLAH AKAN BAWA MALAYSIA CAPAI MATLAMATNYA

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tanggal Oktober 2003, apabila beliau mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau akan membawa Malaysia mencapai matlamatnya.

Abdullah berkata apabila tiba masanya, dan Dr Mahathir menyerahkan kepimpinan negara kepadanya, beliau akan menerimanya dan menjalankan tanggungjawab jawatan baru itu.

Menolak pandangan yang beliau seorang pemimpin yang keberatan, Abdullah, yang dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir berkata sebagai seorang pemimpin dan ketua kerajaan, peranan itu sudah pasti jauh berbeza daripada seorang Menteri Kabinet.

"Saya katakan dengan cara mudah jika anda ditanya untuk menjadi kapten kapal, anda perlu putuskan, sama ada untuk biarkan kapal untuk terapung dan anda berada di atasnya ..., kapal itu akan membawa anda ke mana sahaja ia mahu ..ataupun sebagai kapten anda mengemudinya, kapal itu akan membawa anda ke mana anda mahu.

" Sudah pasti saya mahu mengemudinya," kata Abdullah dalam satu temubual bersama empat wartawan Asean dalam program "In Conversation" yang ke udara di TV3 malam ini.

Abdullah ditanya pelbagai soalan mengenai dirinya yang dipilih sebagai pengganti kepada Dr Mahathir, Asean, Islam, keganasan serta politik, keselamatan dan antarabangsa.

Pada Jun lepas Dr Mahathir mengumumkan bahawa beliau akan berundur daripada jawatan politik dan kerajaan selepas persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di ibu negara pada Oktober depan.

Bagaimanapun, Abdullah menjelaskan ia bukan mudah untuk menggantikan Dr Mahathir yang telah memimpin kerajaan Malaysia sejak 22 tahun lepas.

"Itu anda tidak boleh bandingkan saya dengannya. Saya tidak mempunyai pengalaman seperti itu tetapi kami mempunyai banyak persamaan," katanya.

Menekankan bahawa setiap pemimpin mempunyai gayanya sendiri, Abdullah berkata beliau akan meneruskan dengan dasar sedia ada termasuk Wawasan 2020, Pensyarikatan Malaysia dan sebuah kerajaan yang mesra perniagaan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

"Jadi kami berkongsi banyak persamaan dan sudah pasti termasuk Wawasan 2020 yang ilhamkan oleh Dr Mahathir, saya mahu melihat Wawasan 2020 menjadi kenyataan tetapi saya tidak boleh meniru gaya Dr Mahathir... beliau mempunyai gaya tersendiri dan saya mempunyai gaya saya tetapi objektifnya tetap sama," kata beliau.

Kepada satu soalan sama ada beliau melihat apa-apa perbezaan antara beliau dan Dr Mahathir, Abdullah berkata: "Apa-apa perbezaan ... mungkin cara kami melakukan sesuatu. Tiada dua orang yang boleh melakukan yang sama dan mempunyai gaya yang sama. Apa-apa perbezaan bukan dalam objektif (kerajaan) dan bukan dalam dasar-dasarnya."

Beliau berkata, memandangkan Kabinet mengamalkan tanggungjawab kolektif dan membuat keputusan atas dasar kata sepakat, apa-apa perubahan dalam dasar-dasar kerajaan akan bergantung kepada keadaan.

Ditanya sama ada beliau kurang berterus terang berbanding Dr Mahathir, Abdullah menjawab: "Mungkin. Semua orang kata bahawa Dr Mahathir sangat lantang. Saya tidak tahu tetapi masih belum bercakap sebagai Perdana Menteri

Sebagai anggota yang paling setia kepada Umno memandangkan beliau tidak

pernah meninggalkan Umno sejak usia 18 tahun walaupun pernah mengharungi gelombang politik dan juga pernah meninggalkan Kabinet.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno juga ditanya mengenai perasaan beliau semasa dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sama ada beliau menjangka penghormatan dan kepercayaan rakyat, khususnya daripada anggota-anggota Umno.

Mengimbas balik saat-saat yang sukar dilupakan itu, Abdullah berkata beliau berasa gembira kerana ia satu kenaikan pangkat.

"Jadi saya dinaikkan pangkat, yang seterusnya terlintas dalam fikiran saya ... ya Allah banyak kerja untuk dibuat.

"Saya tidak memikirkan apa yang anda katakan itu (penghormatan dan kepercayaan rakyat) ia tidak terlintas dalam fikiran saya, hanya saya dinaikkan pangkat. Alhamdulillah. Sudah pasti saya berasa gembira dan terkejut untuk dipilih oleh Dr Mahathir sebagai timbalannya dan yang lain dan paling utama dalam minda saya ialah tanggungjawab yang lebih besar itu," kata beliau lagi.

Mengenai komen "Mr Nice Man" berserta gaya sederhana dengan latar belakang Islam dan credential sebagai orang utama dalam memerangi keganasan, Abdullah berkata, beliau tidak tahu mengenainya.

"Orang ramai mempunyai pelbagai persepsi mengenai saya sebelum ini. Mereka kata saya orang baik tetapi selepas saya mengarahkan beberapa orang ditahan, mereka kata orang yang baik itu tidak lagi baik," kata beliau.

-- BERNAMA

HS AHH PR